

AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 31 JANUARI 2023
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 14
HARI : SELASA

Program pengajian percuma pelajar miskin ke universiti

Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperkenalkan program penajaan pengajian percuma kepada pelajar generasi pertama keluarga miskin yang berjaya memasuki universiti.

Menyerahnya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata mekanisme itu akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk dijadikan dasar yang berterusan.

"Ini sebagai langkah menamatkan kemiskinan melalui ilmu dan kemahiran," katanya semalam.

Mohamed Khaled berkata, KPT juga akan memberi nafas dan sentuhan baharu terhadap Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan mengkaji kesesuaian untuk menjadikan PTPTN sebagai sebuah tabung amanah nasional.

Kurangkan beban PTPTN

"Kita mahu mengurangkan beban hutang PTPTN bagi memastikan kelestariannya serta menjadikan ia sebagai institusi pembiayaan pendidikan nasional yang membolehkan semua individu dari dalam dan luar negara untuk menyumbang kepada pendanaan pendidikan tinggi negara," katanya.

Beliau berkata, KPT juga sedang meneroka ruang pendidikan yang anjal melalui penggabungan elemen bersemuka dan maya sebagai memanfaatkan platform digital serta teknologi kerana pendekatan sedemikian berupaya mengurangkan kos pengajian.